

# Program Integrasi Insan (al-Quran) punya kelebihan

**ALOR SETAR** - Kolej Universiti Insaniah sentiasa mewujudkan program-program baru bagi melahirkan graduan berkualiti dengan mengadakan pakej pengajian terbaru, iaitu program Integrasi Insan (al-Quran) yang diperkenalkan pada sesi pengajian Julai lalu.

Program yang merupakan projek elit pertama di negara ini adalah bagi memperoleh dua ijazah sarjana muda dalam masa enam tahun atau Ijazah Sarjana Muda Pengajian Tahfiz al-Quran dalam mana-mana satu program lain yang ditawarkan Insaniah.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Profesor Madya Zakariya Man berkata, keistimewaan program ini adalah graduan akan dapat menghabiskan hafazan sebanyak 30 juzuk al-Quran selain dapat menguasai bidang profesional lain seperti kejuruteraan, perbankan, perakaunan, pengurusan perniagaan dan perubatan.

"Semua program ini mendapat pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sehubungan itu, Insaniah berharap program ini mendapat sambutan dalam kalangan pelajar kerana pengambilannya amat terhad bagi menjamin kualiti dan tahap pencapaian," katanya.